



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM ISTIMEWA SEMPENA PERAYAAN 2026

Kuala Lumpur, 20 Januari 2026 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) hari ini mengumumkan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam khas sempena sambutan Thaipusam 2026 bagi menyokong kelancaran pergerakan sehingga 2.5 juta pengunjung ke Batu Caves, sekali gus memastikan pengalaman perjalanan yang lebih teratur, selamat dan selesa.

Menteri Pengangkutan memaklumkan bahawa inisiatif ini merupakan komitmen Kerajaan MADANI dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap, inklusif dan berteraskan kesejahteraan rakyat, selari dengan keperluan mobiliti sempena perayaan utama negara.

Operasi KTM Komuter 24 Jam

Bagi memastikan kelancaran perjalanan ke Batu Caves, KTM Komuter akan beroperasi 24 jam selama empat (4) hari tiga (3) malam bermula 30 Januari hingga 2 Februari 2026. Sepanjang tempoh ini, sebanyak 609 perjalanan tren akan disediakan, iaitu peningkatan 23 peratus berbanding tahun lalu, dengan kapasiti sehingga 700,000 penumpang akan memanfaatkan perkhidmatan ini.

Sebanyak 28 stesen akan beroperasi 24 jam, dengan penempatan petugas tambahan bagi membantu aliran penumpang termasuk warga emas, OKU, wanita mengandung dan kanak-kanak. Pengguna juga digalakkan menggunakan rangkaian LRT dan MRT untuk pertukaran ke KTM Komuter menuju Batu Caves bagi mengurangkan kesesakan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tambahan Perkhidmatan ETS

Sebanyak lapan (8) perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) tambahan turut disediakan melibatkan laluan JB Sentral–Butterworth, JB Sentral–KL Sentral, KL Sentral–Ipoh dan KL Sentral–Butterworth. Perkhidmatan ini beroperasi dari 29 Januari hingga 3 Februari 2026 dengan 10,080 tiket ditawarkan, dan jualan tiket dibuka mulai 26 Januari 2026.

Bas Shuttle Percuma dan Feri

Di Kuala Lumpur, 30 buah bas shuttle Rapid KL akan beroperasi secara percuma dari Hab Bandar Pasar Seni, LRT Gombak dan MRT Kg. Batu ke Batu Caves dengan kekerapan setiap 10 minit. Perkhidmatan ini bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam pada 31 Januari, dan diteruskan selama 24 jam pada 1 Februari 2026.

Di Pulau Pinang, Rapid Penang menyediakan bas shuttle percuma dari jeti feri ke Adventist, manakala perkhidmatan feri turut diberikan secara percuma bermula 31 Januari hingga 2 Februari 2026, dengan lanjutan operasi sehingga jam 3.00 pagi pada 2 Februari 2026.

Selain itu, perkhidmatan BAS.MY akan beroperasi secara percuma di Johor Bahru, Seremban, Ipoh, Kota Setar dan Sungai Petani dengan penglibatan keseluruhan 169 buah bas bagi memudahkan pergerakan pengunjung ke kuil-kuil utama.

Tambang Percuma KTM Komuter

Sebagai inisiatif khas Kerajaan, tambang KTM Komuter Lembah Klang adalah percuma pada 31 Januari dan 1 Februari 2026, dari jam 12.00 tengah malam





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

hingga 11.59 malam. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada sehingga 450,000 penumpang.

Keselamatan, Perubatan dan Transaksi Tanpa Tunai

MOT bersama agensi berkaitan telah memperkukuh aspek keselamatan, operasi dan perubatan dengan penugasan Polis Bantuan, kakitangan teknikal serta sokongan pasukan perubatan dari Hospital Selayang dan St. John Ambulance di Stesen Batu Caves.

Semua transaksi dilaksanakan secara tanpa tunai melalui aplikasi KITS Style, Kad Komuter Link, Touch 'N Go, kad debit/kredit serta kiosk dan kaunter tiket. Diskaun 50 peratus diberikan kepada warga emas dan OKU, manakala kanak-kanak bawah tiga tahun serta pengguna MyRailLife menikmati perjalanan percuma.

ETS Tambahan Sempena Tahun Baharu Cina & Hari Raya Aidilfitri

Selain itu, Kerajaan juga akan memanjangkan inisiatif perkhidmatan istimewa ini kepada Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung dalam suku pertama 2026.

Untuk Tahun Baharu Cina, berikutan tiket ETS hampir habis terjual, perkhidmatan ETS tambahan akan beroperasi bermula 13 hingga 22 Februari 2026 melibatkan laluan utama dari KL Sentral ke Butterworth, Ipoh dan Padang Besar, serta dari JB Sentral ke KL Sentral. Sebanyak 26,460 tiket ditawarkan bagi tempoh ini, menjadikan keseluruhan operasi ETS mencecah 52 perjalanan maksimum sehari.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Laluan	Tarikh Larian	Trip
KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	14 – 16 Februari 2026 20 – 22 Februari 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Ipoh – KL Sentral	14 – 16 Februari 2026 20 – 22 Februari 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	13 – 22 Februari 2026	2 trip sehari
JB Sentral – KL Sentral – JB Sentral	13 – 22 Februari 2026	2 trip sehari

Bagi Hari Raya Aidilfitri, dengan hampir separuh tiket telah terjual dan dijangka habis dalam masa terdekat, KTMB juga turut menyediakan perkhidmatan ETS tambahan dari 13 hingga 29 Mac 2026 melibatkan laluan JB Sentral, KL Sentral, Ipoh, Butterworth dan Padang Besar. Sebanyak 36,540 tiket disediakan, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan ETS sempena Aidilfitri juga sebanyak 52 perjalanan maksimum sehari.

Laluan	Tarikh Larian	Trip
JB Sentral – KL Sentral – JB Sentral	13 – 29 Mac 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	13 – 29 Mac 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Ipoh – KL Sentral	16 – 20 Mac 2026 23 – 29 Mac 2026	2 trip sehari





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	16 – 20 Mac 2026	2 trip sehari
	23 – 29 Mac 2026	

Komitmen Berterusan

Kerajaan MADANI melalui MOT kekal komited menyediakan pengangkutan awam yang selamat, cekap dan inklusif demi memastikan kelancaran pergerakan serta kesejahteraan rakyat sempena musim perayaan utama negara.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pengangkutan (MOT)

-TAMAT-

MENGENAI MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

